# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **Berita Harian** |
| **TAJUK BERITA** | **ADUN mahu saman penyebar fitnah** |
| **MUKA SURAT** | **17** |

*Dakwaan skandal dengan MB*

# ADUN mahu saman penyebar fitnah

**Shah Alam:** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penyebar fitnah yang mengaitkan beliau dengan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari.

Juwairiya, dalam kenyataan media berkata, beliau maklum dengan fitnah itu yang disebarkan pihak tidak bertanggungjawab melalui akaun Facebook 'Aku Darah Anak Malaysia' (ADAM) yang dimuat naik pada Selasa lalu.

Katanya, beliau sudah membuat laporan polis dan laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung fitnah berkenaan.

Beliau berkata, fitnah itu mencemarkan imej dan kredibilitinya sebagai ADUN di Selangor serta pentadbiran kerajaan negeri.

"Saya sudah berbincang dengan pihak peguam untuk (mengambil) tindakan undang-undang. Pihak kami akan memantau kes ini dengan sepenuhnya untuk menentukan langkah selanjutnya.

"Apa yang pasti ia fitnah dan saya menegaskan bahawa saya tidak berada di lokasi itu pada tarikh yang didakwa itu," katanya.



*Juwairiya Zulkifli*

Kenyataan dalam akaun Facebook itu antara lain mendakwa ada rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukkan pergerakan kedua-dua wakil rakyat berkenaan, yang ditemui ketika pihak tertentu ketika mereka sedang mencari rakaman di sebuah hotel di Sabah, yang sebelum ini dikaitkan dengan rakaman video seks membabitkan seorang menteri.

Sementara itu, satu laporan polis juga dibuat oleh pegawai Juwairiya, Abdul Basar Sulaiman, di Balai Polis Kuala Selangor pada jam 12.10 tengah hari semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Selangor, Superintendan Md Asri A Wahab mengesahkan pihaknya menerima laporan berkenaan.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **Berita Harian** |
| **TAJUK BERITA** | **MBSA beri lebih tumpuan skop pembangunan** |
| **MUKA SURAT** | **50** |

# MBSA beri lebih tumpuan skop pembangunan

**Shah Alam:** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mahu memberi lebih penekanan terhadap skop pembangunan berbanding aspek pembangunan dalam merangka bajetnya untuk tahun depan.

Datuk Bandar MBSA, Datuk Haris Kasim, berkata peningkatan untuk bajet pembangunan akan ditentukan selepas melihat trend kutipan hasil pada tahun ini.

"Unjuran bajet sentiasa meningkat setiap tahun kerana akan ada pertambahan peruntukan. Bagaimanapun, untuk tahun hadapan, bajet pembangunan akan cuba dipertingkatkan berbanding pengurusan.

"Kita dimaklumkan untuk suku pertama tahun ini, kutipan hasil MBSA meningkat berikutan beberapa kempen seperti pengurangan kompaun serta kempen bayar dan menang," katanya selepas merasmikan Bengkel Bajet 2020 Bersama Komuniti Shah Alam, semalam.

Beliau berkata, bengkel bajet bersama komuniti adalah fasa pertama sebelum bengkel sama diadakan bersama jabatan dalaman MBSA, ahli majlis dan dibentangkan kepada kerajaan negeri.

Katanya, bengkel itu diadakan untuk berbincang serta mendapatkan input daripada komuniti dan pelbagai agensi supaya hala tuju bajet MBSA yang dirangka kelak mengambil kira pandangan komuniti serta masyarakat pelbagai peringkat dan sektor.

"Untuk merangka bajet itu, MBSA mengambil pendekatan berteraskan rakyat untuk merancang pembangunan bandar raya melalui penyertaan rakyat secara langsung.

"Ini memberi ruang kepada komuniti yang berada bawah pentadbiran MBSA untuk mengetengahkan cadangan serta idea yang bernas yang mengambil kira keperluan dan kehendak masyarakat kini," katanya.

Katanya, pelaksanaan bengkel berkenaan diharapkan dapat memberikan fokus kepada pembangunan infrastruktur seperti jalan, lalu lintas, saliran dan cerun; kemudahan awam; pengurusan sisa pepejal; kesihatan persekitaran serta program kesedaran bandar rendah karbon.

"Untuk 2019, MBSA menerima senarai projek pembangunan untuk komuniti berjumlah RM3 juta membabitkan sembilan projek seperti membina taman permainan, naik taraf landskap Shah Alam Walk, naiktaraf taman awam Seksyen 10 dan beberapa projek lagi.

"Diharap peserta memberikan pandangan serta input yang sedikit sebanyak akan menyumbang kepada hala tuju pembangunan bandar raya ini demi keselesaan dan melahirkan masyarakat yang sejahtera serta harmoni," katanya.

# KERATAN AKHBAR
## 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **'dengarlah rintihan kami'** |
| **MUKA SURAT** | **44** |

# 'Dengarlah rintihan kami'

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
pengarang@utusan.com.my

**Rintihan RAKYAT**

■ **SHAH ALAM 11 JULAI**

BANTAHAN sudah dikemukakan baik secara bertulis kepada pihak berwajib dan pemimpin politik serta hebahan melalui media tetapi nampaknya tidak dipedulikan apabila Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tetap berkeras mahu melaksanakan caj 50 sen sejam untuk parkir kereta.



**MOHD. HANIF**



**KHAIRUL ANNUAR**

Malah, rayuan penduduk agar kadar berkenaan dikurangkan kepada 30 sen atau 40 sen sejam juga ditolak oleh MDKS atas alasan ia tidak lagi relevan dengan kadar semasa, walaupun penduduk memaklumkan rata-rata masyarakat yang menetap di daerah Kuala Selangor adalah golongan berpendapatan rendah.

Cuma, MDKS memaklumkan pihaknya bersetuju menunda tarikh penguatkuasaan caj tersebut kepada mulai 1 September dengan melibatkan 6,090 petak parkir.

Namun, jawapan itu tidak menggembirakan penduduk kerana beranggapan ia masih lagi membebankan dan kini harapan mereka hanya kepada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, agar kerajaan negeri dapat mempertimbangkan isu berkenaan dengan mengambil kira keluhan serta rintihan rakyat.



**SEBAHAGIAN daripada kawasan parkir di Puncak Alam dalam kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) yang akan dikenakan caj 50 sejam mulai 1 September ini.**

Pengerusi Permuafakatan Persatuan Penduduk Puncak Alam, **Mohd. Hanif Md. Sultan** berkata, sebahagian besar daripada parkir yang bakal dikenakan caj tersebut terletak di kawasan penempatan di Puncak Alam dan pihaknya kecewa kerana MDKS langsung tidak berbincang terlebih dahulu dengan penduduk.

"Soal tangguh dan rayuan kami ditolak itu satu hal tetapi kenapa tidak duduk berbincang dengan kami penduduk terlebih dahulu. Sedangkan dalam isu lain, boleh pula MDKS meminta pandangan daripada kami. Kenapa begitu tergesa-gesa dan langsung pandangan daripada penduduk ini ditolak mentah-mentah?

"Ini tidak adil dan MDKS kena sedar zaman sekarang, apa juga keputusan yang hendak dibuat perlu mengambil kira pandangan rakyat kerana dalam isu ini, kami adalah pemegang taruh, kami yang membayar tetapi soalnya apakah perkhidmatan itu setanding dengan caj dikenakan," soalnya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Permuafakatan Penduduk Zon 8, Saujana Utama, **Khairul Annuar Jalaluddin** pula berkata, MDKS perlu mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan kepada pembayar cukai terlebih dahulu jika mahu mengenakan caj tempat meletak kereta setinggi 50 sejam.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **UTUSAN MALAYSIA** |
| **TAJUK BERITA** | **Isu caj parkir MDKS dibawa ke sidang DUN** |
| **MUKA SURAT** | **44** |

# Isu caj parkir MDKS dibawa ke sidang DUN

**SHAH ALAM 11 Julai** – Sedar isu caj parkir 50 sen sejam yang mahu dikuatkuasakan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menimbulkan kegelisahan penduduk, perkara itu akan dibangkitkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 29 Julai nanti.

[redacted]



Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Mohd. Shaid Rosli (**gambar**) berkata, beliau akan bertanyakan perkara itu kepada kerajaan negeri sama ada mahu membatal atau menangguhkan pelaksanaan caj berkenaan ekoran bantahan penduduk.

[redacted]

"Saya sedar isu parkir ini menjadi rungutan penduduk dan saya sendiri melihat di kawasan Jeram misalnya, hanya kira-kira 200 petak parkir sahaja yang sesuai untuk dikenakan caj kerana ia memang terletak di kawasan komersial dan bukannya kawasan perumahan.

"Selain juga persoalan dibangkitkan rakyat kerana adalah tidak adil jika caj parkir turut dikenakan bagi kawasan perumahan, sedangkan masih banyak soal infrastruktur yang perlu diberikan keutamaan terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Mohd. Shaid, beliau sendiri sudah beberapa kali mengadakan sesi pertemuan dengan penduduk dan faham tentang persoalan yang dibangkitkan mereka, khususnya dari segi kekecewaan kerana tidak dilibatkan sejak dari awal oleh MDKS dalam isu berkenaan.

Katanya, beliau secara peribadi menerima logik keperluan MDKS untuk mengenakan caj parkir tetapi memandangkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu hanya bertaraf daerah dan bukannya perbandaran, sepatutnya hanya petak di kawasan komersial sahaja dikenakan caj.

"Tapi bagi penduduk, mereka sedia membayar caj parkir pada kadar 50 sen sejam tetapi MDKS perlu terlebih dahulu melengkapkan soal kemudahan infrastruktur seperti yang terdapat di kawasan perbandaran," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **'Affair allegations are slander'** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

# 'Affair allegations are slander'

## Juwairiya: Claims linking me to S'gor MB damaging my credibility

**SHAH ALAM:** Bukit Melawati assemblyman Juwairiya Zulkifli has called allegations of her having a "relationship" with Selangor Mentri Besar Amirudin Shari as slanderous.

She denied being at the location and on the date mentioned in the allegations that were made public in a website article that has since been taken down, Bernama reported.

The article referred to CCTV footage from a hotel in Sandakan, Sabah, taken on May 11.

Juwairiya said she has lodged reports with the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission, adding that the allegations were damaging to her image and credibility as an elected representative as well as to the Selangor government.

"I have discussed with my lawyers to initiate legal action. On my side, we will be monitoring the case very closely to decide on the next step," she said in a statement yesterday.

On Wednesday, Amirudin was reported to have denied the allegations and also questioned why he was being made a target. He told the press that he was in Kuala Lumpur during the time that he was allegedly in Sabah with Juwairiya.

In Klang, WANI MUTHIAH reported that the allegations against Amirudin have raised the ire of PKR leaders.

Amirudin's political secretary Borhan Aman Shah said such an underhanded culture to topple leaders must be stopped and not be allowed to become the political trend.

To a question as to why PKR leaders were targeted, Borhan said it is probably because the party has many leaders holding important positions in the Federal Government as well as state governments.

PKR vice-president Tian Chua said the public can play an important role in ending such dirty practices.

"The people should reject such political slander and dirty political tactics.

"It is time for us to focus on other more important things such as economic growth and development," he said.

Selayang MP William Leong said one of the main reasons PKR was always the target of gutter politics was its promulgation of multi-racialism.

"Although PKR is a Malay-majority party, its stand is very different from that of other conventional Malay-dominant parties, and because of this the party is regarded as being deviant by certain quarters," he said.

Sungai Kandis assemblyman Mohd Zawawi Ahmad Mughni also opined that efforts must be made to eradicate dirty politics.





**It's not true:** Juwairiya has called allegations of her having a 'relationship' with Amirudin as slanderous.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Selangor maintains youth age limit at 40** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

## Selangor maintains youth age limit at 40

**KLANG:** Selangor is retaining the age limit for youth at 40 in tandem with its various policies and programmes.

State executive councillor in charge of youth development Mohd Khairuddin Othman said many state policies for youth encompassed those between 30 and 40.

"Take for instance our housing programme for youth, the target group is those who are above 30 as this is the group that qualifies for loans to buy homes," he said.

Another youth programme that covered mostly those over 30 is the Youth Marriage Incentive programme.

"So we have to maintain the cut-off age for youth at 40 and cannot bring it down to 30," he said.

Khairuddin, however, said the state would adhere to the age limit of 30 in all matters under the jurisdiction of the Federal Government.

This includes youth recreational organisations (registered under the Registrar of Societies) and such.

"Everything under the jurisdiction of the state government, the age limit for youth is 40," he said.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Offsetting maintenance fees with recycles** |
| **MUKA SURAT** | **3** |

# Offsetting maintenance fees with recyclables

## Innovative programme to be implemented at 20 low-cost flats

By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my

PANGSAPURI Desa Sepakat residents in Taman Medan, Petaling Jaya, are turning in their recyclables to offset against their maintenance fees.

"We have been looking for ideas to generate income so that we can do minor renovations on the apartments," said its joint management body (JMB) chairman Ahmad Zulkefli Idris.

After months of brainstorming and meeting with residents, the committee started a mini recycling centre at the apartment block to encourage homeowners to discard recyclable items responsibly.

In return, the committee offers cash vouchers for participants to offset against their maintenance fees.

"Without this programme, the residents would throw away these recyclable items in the rubbish bin without thinking twice," he said, adding that many of the residents also did not practise waste separation.

Pangsapuri Desa Sepakat was chosen as one of 20 recipients of the state government's community innovation programme at the launch of Duplikasi K-Inovasi by Selangor housing and urban living committee chairman Haniza Talha in Petaling Jaya.

Haniza said the programme was introduced in 2017 by the state government to recognise creative ideas from JMB and management committees in Selangor that execute innovative projects to better maintain and manage their apartments.

Among the projects that caught the attention of the state government was the Strata Recyling Centre by Pangsapuri Kenanga in Gombak Permai and electronic payment (e-pay) system introduced by Pangsapuri Iris in Saujana Impian.

Both ideas would be introduced at the 20 selected apartments.

"The state government cannot afford to hand out allocations all the time, so we hope residents can learn to manage their homes on their own.

"Residents can come up with schemes to resolve issues at their apartments, especially to encourage regular payment of maintenance fees," said Haniza at the launch.

A strata recycling centre costs RM3,000 while the e-pay system costs RM1,500 to set up at each selected apartment to collect monthly payments more efficiently.

At the launch, Haniza handed out grants worth RM4,500 to each of the selected JMBs and management committees to start both projects.

The selected recipients were Pangsapuri Desa Sepakat, B1 Pangsapuri Desa Lembah Permai, Pangsapuri Astana Alam 1, Pangsapuri Flora Damansara A & B, Taman Industri Lembah Jaya, Apartment Batai, Pangsapuri Pendamar 7A, Pangsapuri Saga Suria, Block A1 Taman Segar, Puchong Utama Court 1, Pangsapuri Sri Mutiara, Sunway Batu Caves LC, Pangsapuri Palma Block J, Pangsapuri Kenanga, Pangsapuri Seri Nilam, Pangsapuri Rimau Indah, Pangsapuri Ukay Indah, Pangsapuri Block Tanjung, Pangsapuri Tun Teja and Pangsapuri Pangsa Impian.



Haniza (second from left) launching the strata recycling centre at Pangsapuri Desa Sepakat with (from left) Petaling Jaya City Council (MBPJ) councillor Raja Fairuz Raja Mazlan, Taman Medan assemblyman Syamsul Firdaus Mohamed Supri and MBPJ councillor Ahmad Akhir Pawanteh. — LOW LAY PHON/The Star

Haniza later visited the strata recycling centre at Pangsapuri Desa Sepakat where residents handed in their recyclable items such as newspapers, magazines, papers, plastic bottles and tin cans.

Items are weighed and priced according to market rates before vouchers are issued to residents.

"We have about 342 units here and the maintenance fee is just RM48 a month, but not everyone can afford it.

"We hope with this programme, residents will be encouraged to pay their fees and in turn, we can beautify the apartments and organise more neighbourhood activities," said Ahmad Zulkefli.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **RM3mil for nine Shah Alam projects** |
| **MUKA SURAT** | **3** |

# RM3mil for nine Shah Alam projects

By HARIZ HAFIZ
metro@thestar.com.my

SHAH Alam City Council (MBSA) has set aside RM3mil for nine infrastructure projects put forward at last year's budget workshop with the community.

So far, only the pocket park, rooftop and vertical garden in the city centre have been completed at a cost of RM300,000 while the other eight projects, including the low carbon city programme, upgrading of playground equipment and Section 10 public park and landscaping of Shah Alam Walk, are still in progress.

Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim said community feedback was crucial for MBSA to be aware of issues in the city.

"We are taking a people-centric approach which allows those in the city council's administration to present ideas.

"This will also enable us to know the needs and requirements of the people," said Haris at the launch of the 2020 Budget Workshop at Concorde Hotel in Shah Alam.

"If there are participants who are able to give realistic ideas in terms of the budget, we will definitely take them under serious consideration.

"From time to time, the budget allocation for these new developments increase because the expenditure will usually cover both development and management costs," he added.

For the year 2020, Haris said the focus of the budget would be more on development instead of management, which had been the preferred focus in previous years.

Among the categories discussed at the workshop for the 2020 budget allocation were community development and low carbon city awareness programmes, environmental health and public facilities.

At the press conference, Finance Department director Affandi Jaafar revealed that compared to 2018, there was a rise in tax collection this year through campaigns organised by MBSA as well as partnerships with a number of organisations.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Up in arms over dumpsite stink** |
| **MUKA SURAT** | **4** |



Zulkifli pointing to the area behind a line of mangrove trees where rubbish has caused an unbearable stench. — Photos: FAIHAN GHANI/The Star

# Up in arms over dumpsite stink

## Port Klang residents say unbearable stench is at its worst early in the morning and at night

By EDWARD RAJENDRA
edward@thestar.com.my

RESIDENTS in Taman Teluk Gadung Indah (TTGI) in Port Klang are fed up with the constant bad smell caused by illegal rubbish dumping not far from the neighbourhood.

They said they have had to endure the foul stench for nearly two decades.

One of them, Steven Teo Abdullah, 43, described the stench as "torture".

"I have been living here for five years and the bad smell in the air has taken a toll on me and my children's health," he claimed.

"It is difficult to describe the smell. It is like a mix of something rotting, smoke and wastewater. The smell is at its worst around dawn until about 6.45am. And it gets just as bad from around 7pm to 8.45pm. It leaves us all nauseous."

Some 900 residents live in the neighbourhood of double-storey medium-cost terrace houses, low-cost flats and shops.

Another resident, Abdul Raji Hasan, 61, said little had been done by the authorities to get to the bottom of the putrid smell despite numerous complaints.

"It is relentless. Sometimes the smell assails me before I go to bed and again at 5.30am. We cannot go for morning walks. It is just torture for all the families living in TTGI," he said.

Residents J. Thirumurugan, 18, and Shahril Kahrudin, 36, said the smell had gotten worse in recent months.

TTGI Residents' Association chairman Zulkifli Saad, 49, said the smell emanated from rubbish dumped in a swamp area parallel to Jalan Sama Gagah 21, just over the high tide drainage barrier near the houses.



Residents claim domestic and renovation waste have been dumped in swamp area facing their houses.

"We have seen domestic waste and renovation debris being dumped at the edge of the swamp area.

"The domestic waste rotting in the swamp water is what creates the awful smell," he said.

According to Zulkifli, the situation appeared under control for a brief period in 2009 after Klang MP Charles Santiago, Klang Municipal Council (MPK) and Klang District and Land Office personnel visited the area.

"I understand the authorities visited the swamp area occupied by a mangrove timber company. After their visit, the stench stopped. But the issue cropped up again around 2014 and 2015."

He added that the rancid smell returned with a vengeance three months ago.

"There was thick smoke from the burning of rubbish at the illegal dumpsite and that made it difficult to breathe. The air is toxic and harmful, especially to children.

"We believe the illegal dumping of domestic waste in the swamp has started again. People have noticed smoke at dawn from across the swamp behind the thin line of mangrove trees."

Zulkifli said the residents wanted MPK to remove the waste to get rid of the smell permanently.

"We also urge the Klang District and Land Office to seize the land as its use is clearly being abused."

When contacted, MPK's Environmental Services Department director Dawari Daud said "at this moment I cannot comment but officers will conduct an investigation".

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | STAR METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Still falling foul of parking limit |
| MUKA SURAT | 4 |

# Still falling foul of parking limit

ALMOST a decade after the one-hour parking limit was introduced in USJ 10 (Taipan) in Subang Jaya, some motorists are ignoring the rule by placing several parking coupons in their vehicles.

It was reported that in 2010, Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) had introduced a one-hour parking limit to deal with traffic congestion and double-parking.

MPSJ councillor Lee Uyin Jen said she received complaints about those trying to get around the system.

"This defeats the purpose of having the one-hour parking limit.

"The limit is to ensure that there is ample parking space. An hour is sufficient for those who want to run errands such as paying bills or banking."

She added that the one-hour parking limit for USJ 10 was also in the Smart Selangor app.

"After the one hour is up, you need to wait another 15 minutes before you can pay for parking again via the app.

"Some would try their luck but in 15 minutes, you risk getting a summons," she said.

She warned motorists against trying to scam the system as parking summonses would still be issued.




The one-hour parking limit for USJ 10 is clearly indicated in the Smart Selangor app.



Some motorists are placing several parking coupons on their vehicles despite the time limit.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **'time for sterner action'** |
| **MUKA SURAT** | **6** |



Children playing educational games to test their dental health knowledge at the booth run by the Gombak District Dental Clinic.



Mohd Salleh (in red cap) explaining the dangers of dengue and Aedes mosquitoes to visitors.

# 'Time for sterner action'

## Selangor MB issues ultimatum as state records almost 100% increase in dengue cases



Amirudin (in batik shirt) taking a closer look at green projects by students from schools in the Gombak district. — Photos: LOW LAY PHON/The Star

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

THE government will move towards adopting a "stick rather than the carrot approach" in taking stricter action against those found with Aedes mosquito breeding grounds in their premises, said Selangor Mentri Besar Amirudin Shari.

"It is time we start exerting pressure, either in the form of enforcement or summonses, to government agencies, residents and anyone who does not ensure the cleanliness of their area and play their role in reducing the dengue disease," he said.

"The state government has already started sending out letters or notices to premises where mosquito breeding spots were found. Local councils are also authorised to take similar action.

"In addition to the 'carrot approach' such as programme incentives, we have organised numerous campaigns, held *gotong-royong* and distributed larvae control drugs, but the level of awareness is still not there.

"So it's time to take sterner action to ensure people take the anti-dengue campaign seriously. We need to execute real change in the community so the disease can be controlled."

Amirudin, who is also Sungai Tua assemblyman, was speaking after launching the Selangor Wellness, Welfare and Women (3W) Carnival at Padang Awam Batu Caves, Gombak.

Selangor health, welfare, women and family empowerment committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud noted that there was close to a 100% increase in dengue cases and deaths this year compared to last year.

"The dengue cases in Selangor is very worrying, with the trend showing a wave of increase happening after the Hari Raya period," she said in her speech.

"Up to epidemic week 26 or June 29, a total of 35,544 dengue cases and 30 deaths were recorded.

"This marked an increase of 17,295 cases (94.77%) and 17 deaths (130.8%) compared to the same period last year.

"There was a significant increase after the festive period, with 1,437 and 1,487 cases during epidemic weeks 25 and 26 respectively."

Dr Siti Mariah said the state government was using an additional strategy this year to control and prevent dengue, using Wolbachia-infected mosquitoes as a biological control method.

It was previously reported that the Wolbachia project is an innovation to tackle dengue by injecting Wolbachia microorganisms into Aedes Aegypti mosquito eggs.

The Wolbachia-infected mosquito will inhibit the growth of the dengue virus in the mosquito and subsequently inhibit the spread of dengue virus.

"The Health Ministry ran a pilot study on the Wolbachia project in seven hotspots in Selangor, one of which was Dataran Otomobil in Shah Alam, and was able to successfully reduce dengue cases between 50% and 80%," said Dr Siti Mariah.

"This biological control measure will be expanded to other localities, especially uncontrollable and hotspot areas."

The 3W Carnival was held in collaboration with Selayang Municipal Council (MPS), with a focus on observing Zero Dengue Day and Fathers Day.

Featured activities included a mobile dental clinic, competitions to grate coconut, weave ketupat and arrange gift towels, a plogging challenge (picking up rubbish while jogging), talent search, futsal championship, self-defence demonstration, as well as a health forum and checks.

Taman Jasa Utama Combi chairman Mohd Salleh Bachik was on hand to share how his Communication for Behavioural Impact (Combi) team was able to transform a hotspot into a dengue-free zone within three years and maintain the status.

"Back in 2009, our housing area recorded 37 dengue positive cases, though fortunately there were no deaths," he said, adding that Taman Jasa Utama had about 500 premises, including shoplots and most of its residents were Malay.

"Upon the district health office's suggestion, we set up a Combi team that included 10 committee members and about 25 promoters — one for every street in the neighbourhood."

Mohd Salleh said it was the promoters' duty to convey information, remind residents do to their 10-minute weekly check and monitor their streets for mosquito breeding grounds.

"They would even advise residents to discard unwanted items properly and stack excess flowerpots upside down to prevent water from pooling.

"Through the residents' cooperation and with assistance from agencies such as MPS, Taman Jasa Utama has been a dengue-free area since 2011," he said, adding that they were proud of their success story.





The carnival was packed with fun games, educational sessions, health checks and promotional activities by 20 government agencies.

(Far left) The mobile dental clinic offered basic dental check-ups, scaling, filling and restoration services.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | STAR METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Residents get neighbourhood updates at AGM |
| MUKA SURAT | 7 |

## Residents get neighbourhood updates at AGM




(From right) Hoh and Ng cutting the cake with other guests.

THE annual general meeting (AGM) of the USJ20/1-3 Residents Association in Subang Jaya was far from mundane.

Residents who attended the meeting and Hari Raya gathering not only used the opportunity to catch up with friends and neighbours, but also came away learning more about the developments taking place in their neighbourhood.

The updates were provided by special guests and Subang Jaya assemblyman Michelle Ng, USJ police chief Asst Supt Jasni Zolpa and Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) representative for Zone 3 Lee Jen Uyin.

The guests were welcomed by the association's chairman Hoh Choo Kim and committee members.

Ng, who also attended the residents association's (RA) AGM last year, urged residents to make use of the Smart Selangor parking app which makes it easier for parking payments.

"Previously it was troublesome with coin-operated machines or parking tickets. With the app, you can add an amount to your credit and pay for parking," she said.

Ng added that a senior citizens' club was formed in USJ 6 to promote care for the elderly.

The first-term assemblyman also elaborated on a plan to build a full-fledged health clinic in USJ1.

"It will be a smaller version of a hospital with X-ray and dental facilities. The clinic should be ready by 2024," she said.

Meanwhile, Lee said MPSJ handled about 3,000 complaints a month ranging from issues about pets and parking.

"If you want to keep a dog or a cat, there are rules to follow. Please don't allow your pets to roam outside your home," she said.

Lee also briefed the residents on a road widening project along Jalan Damai for the benefit of the residents.

In his address, ASP Jasni focused on the increase in Macau scam-type of crimes in USJ.

"Scams are being reported in the area almost every day. If you have money, scammers will target you," he said, highlighting a case in which one victim lost RM1.3mil to scammers posing as police officers.

ASP Jasni advised those who received suspicious phone calls to immediately cut the line. "Believe me, the police will not call you to threaten you. If we have reason to come looking for you, we will show up at your doorstep," he added.

A cake donated by Berry Cake House was later cut to commemorate the occasion. The special guests were presented with fruit baskets before everyone was treated to a buffet spread.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **‘Allegations linking me to Selangor MB slanderous’** |
| **MUKA SURAT** | **3** |

## ‘Allegations linking me to Selangor MB slanderous’

**SHAH ALAM:** Bukit Melawati assemblyman Juwairiya Zulkifli *(pix)* said allegations of her having a “relationship” with Selangor Mentri Besar Amirudin Shari were slanderous.



In a statement yesterday, she denied being at the location on the date mentioned in the allegations, which were made public on a website article that has since been taken offline.

The article referred to CCTV footage from a hotel in Sandakan, Sabah taken on May 11.

Juwairiya said she had lodged reports with the police and Malaysian Communications and Multimedia Commission, while adding that the allegations were damaging to her image and credibility as an elected representative as well as to the Selangor government.

Yesterday, Amirudin was reported to have denied the allegations and also questioned why he was being made a target. – Bernama

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Juwairiya dakwa kena fitnah** |
| **MUKA SURAT** | **34** |

# Juwairiya dakwa kena fitnah

S.H (34)

## *Nafi ada hubungan dengan MB Selangor, mahu ambil tindakan undang-undang*

**MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

**KUALA SELANGOR**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli yang dituduh mempunyai hubungan dengan Menteri Besar Selangor, Amiruddin Shari bersedia mengambil tindakan undang-undang kepada pihak terlibat.

Beliau berkata, pihaknya memantau kes itu untuk tindakan selanjutnya dan turut membuat laporan polis berhubung dakwaan berkenaan.



**JUWAIRIYA**

"Saya telah membuat laporan polis dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) berkenaan fitnah yang mencemarkan kredibiliti saya sebagai ADUN dan pentadbiran kerajaan negeri," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Juwairiya berkata, beliau mengetahui fitnah itu disebarkan menerusi satu akaun Facebook yang dimuat naik sejak 9 Julai lalu.

"Apa yang pasti ia adalah fitnah dan saya tegaskan bahawa saya tidak berada di lokasi dinyatakan pada tarikh tersebut," katanya.

Kelmarin, Amirudin menafikan tuduhan mengaitkan beliau bersama dengan seorang ADUN wanita negeri ini berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di sebuah hotel di Sandakan, Sabah pada 11 Mei lalu.

Beliau berkata, pada masa ini pihaknya sedang menyemak tuduhan itu kepada peguamnya.

"Jika serius saya tidak teragak-agak ambil tindakan undang-undang sewajarnya," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Amirudin serah siasatan kepada polis** |
| **MUKA SURAT** | **34** |

## Amirudin serah siasatan kepada polis

S.H (34)



AMIRUDIN

**BATU CAVES** - Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari telah membuat laporan polis susulan tuduhan mengaitkannya bersama seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita berdasarkan rakaman CCTV di sebuah hotel di Sandakan 11 Mei lalu.

Beliau berkata, laporan itu dibuat oleh pegawainya semalam dan beliau menyerahkan kepada polis untuk menjalankan siasatan.

"Tiada sebarang perkembangan setakat ini. Lembaga Disiplin parti juga belum mengambil keterangan berhubung isu fitnah ini," katanya selepas melawat mangsa ribut di Dewan Serbaguna Kampung Laksamana di sini semalam.

Menurutnya, meskipun memahami asam garam politik namun menegaskan politik kotor dan fitnah harus dihentikan.

"Politik kotor digunakan terhadap beberapa pemimpin untuk menjejaskan reputasi dan prestasi mereka. Ia juga usaha untuk mengganggu kestabilan politik.

"Si pelaku mungkin fikir cara ini berjaya merosakkan sesuatu parti namun pengalaman membuktikan rakyat menolaknya dan dibuktikan semasa pilihan raya lalu," katanya.

Amirudin yang juga ADUN Sungai Tua berkata, perbuatan itu jelas mengingkari titah ucapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya menolak politik kotor dan fitnah.

"Pelaku bukan hanya melanggar undang-undang malah melanggar norma masyarakat dan ingkar titah tuanku. Saya percaya ini bukan budaya kita tapi dilakukan mereka yang jijik dan tidak berperikemanusiaan.

"Setakat ini saya masih mampu senyum, menjalankan tugas seperti biasa dan fokus kepada pentadbiran. Keluarga juga faham dengan perkara ini," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Penentuan juara Piala Dato' Mokhtar Dahari |
| MUKA SURAT | 54 |

S.H. (54)

## Penentuan juara Piala Dato' Mokhtar Dahari

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Kajang dan SMK Seksyen 7, Shah Alam bakal membuat perhitungan pada aksi final Piala Dato' Mokhtar Dahari 2019 di Arena Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) jam 8 malam ini.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa kejohanan, Datuk Emran Kadir, akfi final itu dijangka lebih menarik bersandarkan prestasi kedua-dua pasukan sebelum ini.

"Berdasarkan laporan Jawatankuasa Teknikal, persembahan dan mutu permainan yang ditunjukkan oleh pasukan yang berjaya ke peringkat akhir kali ini dilihat lebih baik berbanding tahun lalu.

"Kita dapat lihat sekolah-sekolah yang bertanding kali ini lebih bersedia dan mereka berjuang habis-habisan untuk sampai ke perlawanan akhir," katanya ketika dihubungi Sinar Harian baru-baru ini.

Dalam pada itu, Emran yang juga Orang Besar Daerah Petaling berkata, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan untuk mencemar duli menyaksikan perlawanan akhir tersebut.

"Baginda akan menyampaikan hadiah kepada pemenang dan baginda juga berkenan untuk menerima replika cek daripada para penyumbang," katanya.

Sementara itu, SMK Tengku Idris Shah bakal bertemu SMK Bandar Tasik Puteri bagi merebut tempat ketiga dan keempat di Padang SMK USJ 23 pada jam 3.30 petang ini.

Piala Dato' Mokhtar Dahari menjadi platform terbaik bagi mencungkil bakat-bakat muda yang berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

Kejohanan itu juga selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang ingin melihat Selangor terus konsisten melahirkan pemain muda berbakat di peringkat akar umbi.

Johan akan meraih hadiah wang tunai RM10,000; naib johan RM8,000; tempat ketiga RM6,000 manakala tempat keempat menerima RM4,000.

Selain itu, lapan pasukan yang beraksi dalam saingan suku akhir masing-masing menerima satu set jersi yang disumbangkan Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) yang juga penaja utama manakala Sinar Harian adalah akhbar rasmi kejohanan tersebut.

Antara penaja lain yang turut terlibat ialah Kumpulan Perangsang yang menyumbang sebanyak RM250,000 termasuk beberapa Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat persendirian berjumlah RM60,000.

# KERATAN AKHBAR
# 12 JULAI 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **HARIAN METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Adun Bukit Melawati mahu ambil tindakan** |
| **MUKA SURAT** | **22** |

H.M (22)

# Adun Bukit Melawati mahu ambil tindakan

**Shah Alam:** Tindakan undang-undang akan diambil oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli terhadap pihak yang dikatakan menyebar fitnah mengenai hubungannya dengan Menteri Besar Selangor Amirudin Shari.

Juwairiya berkata, pihaknya sudah membuat laporan kepada polis dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) terhadap akaun Facebook 'Aku Darah Anak Malaysia-ADAM' berhubung dakwaan fitnah berkenaan.

Menurutnya, tohmahan itu mencemarkan imej serta kredibilitinya sebagai Adun serta anggota pentadbiran kerajaan Selangor.

"Saya sudah berbincang dengan peguam untuk tindakan undang-undang.

"Pihak kami akan memantau kes ini dengan sepenuhnya untuk menentukan langkah selanjutnya.

"Apa yang pasti adalah ia fitnah dan saya menegaskan bahawa saya tidak berada di lokasi itu pada tarikh yang didakwa," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Kelmarin, Amirudin menafikan tuduhan mengenai rakaman kamera litar tertutup yang dikatakan dirakam di sebuah hotel di Sandakan mengaitkan dirinya dengan Juwairiya.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil tindakan undang-undang terhadap penyebar fitnah terbabit.

Amirudin juga menegaskan dirinya berada di Kuala Lumpur ketika kejadian itu.

